

# Perantau yang diterima: Diaspora Aceh ke Kedah Dari Aspek Historikal

Haslinda Haji Hasan

Pusat Pengajian Umum UUM

haslynda@uum.edu.my

*Pengkajian mengenai hubungan historikal Kedah-Aceh menjelaskan mengenai sesuatu komuniti itu muncul dan berkembang menurut perspektif masing-masing. Migrasi atau perantau dari Aceh sudah lama muncul dan menetap di negeri Kedah Darul Aman. Komuniti Aceh terutama di Yan, Kedah adalah paling lengkap dari segi jati diri dan identiti akar budaya asal serta memberi sumbangan dalam politik, ekonomi dan sosial termasuklah pelbagai aspek kehidupan. Terdapat dua gelombang penghijrahan iaitu sebelum kedatangan penjajah dan selepas kedatangannya terutama dari Belanda yang membawa kepada penghijrahan secara besar-besaran ke sini. Sultan Kedah sendiri tidak menyekat kehadiran perantau Aceh ke Kedah malah menggalakkan mereka untuk bersama-sama mengembangkan syiar Islam dan pembangunan negeri. Agama menjadi pemangkin semangat patriotik dan solidariti yang tinggi untuk mengusir golongan penjajah barat selanjutnya telah berjaya memperkukuhkan ikatan perhubungan dua negeri yang sedia ada. Hidup bersama tanpa prejudis dan berkongsi suka duka membawa kesejahteraan walaupun latarbelakang yang berbeza namun darah Melayu menguatkan hubungan perpaduan yang sedia terjalin. Impaknya migrasi Aceh berjaya merubah kehidupan mereka dari yang susah kepada kesenangan apabila tinggal dan menetap di negara yang makmur dan aman seperti Kedah. Kedah bumi bertuah menjadi syurga kepada sebilangan besar migrasi dari Indonesia amnya dan Aceh khasnya dari dahulu hingga kini. Hasilnya mereka dapat memiliki kekayaan dan kesejahteraan hidup dalam aspek sosio ekonomi dan politik tanpa had.*

**Kata kunci:** Migrasi, historikal, Kedah, Aceh dan aman.

## Pengenalan

Negeri Kedah mempunyai pelbagai kelebihan kerana kedudukannya di utara Semenanjung Tanah Melayu. Dalam kalangan pedagang-pedagang Arab termasuk ahli pelayaran dan geografi, nama Kedah dicatatkan sebagai “Kalah”, “Kalah-bar”, atau “Qadah” bererti mangkuk atau bekas berisi air atau makanan (J.V. Mills, 1974). Kedah juga terletak di persimpangan jalan perdagangan laut antara negeri Arab dengan China, pelabuhan yang dalam, sumber bahan mentah dan galian yang banyak serta mempunyai hubungan erat dengan kerajaan di Sumatera Utara termasuk Aceh, Samudera-Pasai dan Perlak. Kedah terkenal sebagai pusat pengembangan ajaran Islam di Nusantara. Sumber lain pula menyatakan pengaruh Islam sudahpun bertapak di Kedah sejak awal abad kesembilan Masihi melalui pendakwah-pendakwah Arab (Md Noor Salleh, Abdul Halim Haji Salleh, 1998). Mengikut riwayat yang diketengahkan oleh ahli-ahli akademik sejarah tanahair, Kedah menerima Islam dalam tahun Masihi 1136 (Ismail Haji Saleh, tanpa tahun).

Manakala Kesultanan Aceh merupakan sebuah pemerintahan yang wujud di utara Sumatera (Anthony Reid, 1969). Sebahagian besar Kepulauan Indonesia terletak di bahagian selatan garisan Khatulistiwa. Indonesia mempunyai keluasan kira-kira 1.9 juta km persegi yang meliputi 13 667 buah pulau (A.Zainuddin, 1968). Aceh adalah salah sebuah propinsi yang terletak dalam negara Indonesia. Faktor geografi ini ternyata menyumbang kepada kemasukan perantau atau migrasi Aceh ke Kedah.

Dikisahkan bahawa setelah Kedah menerima Islam, Sultan Aceh mengirim dua buah kitab karya utama Aceh, Syeikh Nuruddin Al-Ramiri iaitu 'Siratul-Mustaqim' dan 'Babun-Nikah' untuk dikaji dan dipelajari di Kedah sekitar tahun 1640. Kitab tersebut membincangkan mengenai prinsip-prinsip Islam seperti wuduk, sembahyang, puasa, zakat dan undang-undang halal dan haram dalam makanan, undang-undang dan peraturan beribadat, undang-undang mengenai perkahwinan dan cerai yang mengandungi dua bab yang bertajuk *Sirat al-Mustaqim* dan *Bab al-Nikah* (Shukri Ahmad, 2011). Karya-karya ini menunjukkan para ulama berperanan merapatkan hubungan kedua buah negeri dan bertanggungjawab menghasilkan teks keagamaan dan perundangan untuk kesejahteraan umat. Malahan setelah Syeikh Abdullah mengislamkan Kedah, beliau dikatakan telah berpindah ke Aceh pada tahun 1177 yang menunjukkan jaringan penyebaran Islam oleh tokoh yang sama berlaku di kedua buah negeri dan semestinya ajaran yang disampaikan terus mendapat kesefahaman dari kedua buah kerajaan. Hubungan historikal ini kini berkembang maju seiring dengan era globalisasi yang memberi kesan terhadap pembinaan negara bangsa.

Hubungan kedua buah negara atas dasar keagamaan dan perdagangan juga berlangsung apabila terdapat laporan yang peniaga-peniaga Kedah berdagang ke Samudera-Pasai. Hasil carigali di Merbok, Lembah Bujang dan Kuala Muda menemukan *Cornelian beads, broken glasses (perfume), Chinese Ceramics (Sung/Yuan), fragment of lamp, Abbasid coins and some 10,000 potsherds of Sung and Yuan* (Yahaya Abu Bakar, 1991). Tercatat juga apabila Kedah sewaktu diperintah oleh Sultan Sulaiman Syah I (1373-1423M), telah diserang oleh Aceh sebagaimana terkandung dalam piagam atau prasasti Minye Tujuh (1380M) (Yahaya Abu Bakar, 1996). Peperangan tersebut berlaku disebabkan persaingan perladangan lada hitam sewaktu era pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636) menjadi pemerintah Aceh. Kedah telah kalah dalam peperangan tersebut yang mengakibatkan Sultan dan permaisuri bersama rakyat seramai 7000 orang telah dibawa ke Aceh dan baginda berdua mangkat di sana sewaktu menjadi tawanan Aceh manakala putera sulungnya Sultan Rijaluddin Muhammad Syah yang menggantikan baginda bertindak memindahkan pusat pemerintahan ke Kota Naga (1626) akibat kemusnahan Kota Siputih. Namun yang perlu diberi penekanan di sini ialah hubungan antara rakyat Kedah dan Aceh menjadi akrab apabila berlakunya penghijrahan antara ke dua buah negara tersebut yang mewujudkan ikatan persaudaraan. Setelah Kedah berada dibawah kekuasaan kerajaan Aceh pada 1619, maka banyak orang Kedah yang datang ke Aceh dan sebaliknya sehingga di Aceh ada Kampung Kedah dan di Kedah ada Kampung Aceh (Teh Koon Hoo, 2003). Kini ramai dalam kalangan komuniti Aceh yang menetap dan menjadi warganegara telah berjaya dalam segenap aspek kehidupan.

Menurut Ismail Haji Saleh lagi ibu negeri Kedah pada awal kedatangan Islam ialah di Bukit Meriam dan Sultan Muzaffar Syah merupakan sultan Kedah yang pertama. Ibu negeri Kaedah kemudian berpindah ke Sungai Emas yang meninggalkan banyak kesan arkeologi yang menunjukkan terdapat

hubungan erat dengan Timur Tengah dan tamadun Islam. Ibu negeri Kedah berpindah pula ke Siputih dalam tahun 1323 iaitu terletak di tengah-tengah kerajaan negeri. Menurut sejarah 600 atau 700 tahun dahulu negeri Kedah lebih luas dari sekarang iaitu dari Sungai Terang di Thailand hingga ke sempadan Melaka dan Beruas di selatan. Banjaran Gunung Bintang ialah sempadan sebelah timur dan disebalik banjaran tersebut adalah negeri Patani. Siputih dikatakan berada di tengah-tengah kawasan yang amat luas itu. Siputih telah ditadbir oleh tujuh orang sultan dan enam darinya dimakamkan di sini sementara sultan Sulaiman iaitu yang terakhir telah mangkat di Aceh semasa menjadi tawanan. Akhirnya ibu negeri Kedah dipindahkan pula ke Naga. Alor Setar merupakan ibu negeri yang ke tujuh iaitu dibuka pada tahun 1736 sehinggalah sekarang. Kini pemerintahan negeri Kedah dipecahkan kepada 12 daerah tadbir iaitu, Kota Setar, Kubang Pasu, Yan, Pokok Sena, Pendang, Padang Terap, Kulim, Sik, Baling, Langkawi, Kuala Muda dan Bandar Baharu. Oleh kerana memiliki kawasan pamah yang subur maka Kedah daripada kerajaan maritim telah berubah kepada kerajaan agrarian dengan fokus kepada penanaman padi. Kawasan pamah ini adalah dari kaki Gunung Jerai hingga ke sempadan Perlis dengan keluasan hampir 300.000 ekar (Affifuddin Omar, 1981). Gunung Jerai juga pada masa dahulu merupakan petanda atau petunjuk bagi pelayaran kapal-kapal yang melalui dan masuk ke Kedah kerana ia merupakan sebuah pulau dikelilingi lautan tidak seperti hari ini yang telah menjadi daratan.

### **Sejarah Daerah Yan**

Daerah Yan adalah sebuah daerah yang unik dalam negeri Kedah. Alam semulajadi yang mencakupi banjaran Gunung Jerai yang menganjur ke kawasan laut di Tanjung Jaga dan Selat Melaka. Mengikut sejarah sebutan Yan diambil daripada penghujung perkataan "Sendayan" iaitu sejenis tumbuhan yang banyak terdapat di sini suatu ketika dahulu. Tetapi ada kalangan yang menyanggah pendapat itu mengatakan sebutan Yan adalah singkatan dari perkataan buah "Durian". Bagaimanapun Daerah Yan mencatat sejarahnya tersendiri sebagai tempat tumpuan pedagang luar dan dalam sehingga pada masa dahulu menjadi persinggahan ramai migrasi luar ke Kedah.

Beberapa tempat dalam daerah ini terdapat kelompok berketurunan Aeh. Sehingga terdapat sebuah perkampungan yang dikenali "Kampung Aceh" jaraknya 2 kilometer dari Bandar Yan. Perpindahan beramai-ramai rakyat Aceh ke sini boleh diramalkan berdasarkan beberapa fakta sejarah. Walaupun kini jumlah penduduk di kampung terbabit semakin berkurangan namun tinggalan sejarah dan identiti keacehan masih utuh dan meresap dalam adat dan budaya mereka. Apabila membicarakan mengenai daerah Yan di Kedah berikut adalah peta kawasan terbabit yang strategik sebagai tempat persinggahan pedagang dan migrasi yang lari dari kekejaman Belanda.

Kedudukan Yan di tepi laut memudahkannya menjadi tempat berlabuh kapal-kapal besar dan kecil terutama yang singgah untuk mendapatkan barangan dagangan. Pada waktu ini, kawasan sekitan Yan adalah berdekatan dengan Merbok iaitu dalam daerah Kuala Muda yang menjadi tempat perdagangan maritime bagi Kedah suatu masa dahulu. Kemudian kawasan ini berubah menjadi kawasan agrarian iaitu fokus kepada penanaman padi dan pertanian komersial. Ia disebabkan terdapatnya aliran sungai dari Gunung Jerai dan kawasan tanah pamah yang luas menyumbang kepada kesuburan tanah.



Peta 1: Geografi Daerah Yan, Kedah Darul Aman.

### Konsep Migrasi atau Perantauan

Teori migrasi menyatakan bahawa ras Melayu yang kini mendiami Alam Melayu adalah berasal dari wilayah Yunan atau selatan negeri China. Namun beberapa orang sarjana telah mempersoalkan kebenaran teori ini terutama penyelidik arkeologi dan pengkaji sejarah. Penelitian terhadap data etnografi dan etnolinguistik tentang kelompok-kelompok manusia yang mendiami wilayah Yunan kini juga tidak menampakkan adanya pertalian ras di antara mereka dengan ras Melayu-Polinesia di Alam Melayu. Penilaian semula teori migrasi ras Melayu-Polinesia dari selatan negeri China atau utara Vietnam ke Alam Melayu membawa kepada satu kesimpulan, bahawa Alam Melayu inilah sebenarnya tempat asal-usul ras Melayu (Wan Hashim Wan Teh, 1995).

Migrasi merujuk kepada pergerakan manusia atau orang dari sebuah negara bangsa ke sebuah negara bangsa yang lain di mana mereka bukanlah warganegara. Ia juga merujuk perpindahan penduduk dari sebuah negara atau satu tempat ke negara atau tempat yang lain (Kamus Dewan Edisi Baru, 1994). Lazimnya migrasi adalah penghijrahan sekumpulan manusia dari satu negara ke satu negara yang lain untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi mereka. Namun pada abad yang ke 19 syarat-syarat kewarganegaraan sudah jelas iaitu adanya pasport, kawalan sempadan yang kekal dan undang-undang kerakyatan. Dahulu aspek ini tidak ada dan semua masyarakat di Kepulauan Melayu adalah serumpun dikenali sebagai satu bangsa iaitu bangsa Melayu. Fokus utama ialah terhadap migrasi penduduk Indonesia iaitu orang Aceh dari Kepulauan Sumatera.

Menurut Usman Hj. Yaakob dan Tarmiji Masron migrasi merupakan satu proses demografi yang melibatkan perpindahan penduduk daripada satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Ia merupakan suatu proses pergerakan penduduk yang amat sensitif terhadap perkembangan sosio-ekonomi sesuatu kawasan. Malah proses migrasi yang telah berlaku sejak beberapa zaman yang lampau telah menjadikan sesebuah negara berbilang keturunan, budaya, adat dan kepercayaan.

Begitu juga kemasukan perantau di Nusantara ke Tanah Melayu seperti orang Minang dari Sumatera ke Negeri Sembilan, Jawa ke Selangor dan Johor, Bugis di Sabah dan Pahang, Banjar di Selangor dan Perak, orang Batak serta pelbagai kaum serumpun yang lain. Oleh itu, abad ke 15 dan 16 adalah penting meyakinkan kemasukan ramai penghijrahan kaum yang serumpun ini ke pelbagai negara di Nusantara. Kajian lain misalnya dalam pensejarahan Rembau juga di catat sebagai "Rembau pada tahun-tahun berkenaan adalah pusat pentadbiran bagi Kerajaan Minangkabau yang terletak di Pedalaman Melaka" (Norhalim Haji Ibrahim, 1995). Selain itu, Tunku Shamsul Bahrain telah mengkaji Sejarah Kedatangan Orang Indonesia ke Malaya. Maksud orang Indonesia ialah seperti orang Banjar dari Kalimantan (terdapat di Perak dan Selangor), Bugis dari Pulau Sulawesi, Jawa dari Pulau Jawa, Boyan dari Pulau Bawean, Minangkabau, Kerinchi, Mandiling dan Aceh dari Sumatera.

Hijrah juga bertujuan untuk membina kehidupan yang lebih baik di tempat lain. Kajian ini juga diharap dapat membantu perkembangan sejarah tempatan khususnya dalam konteks asal-usul dan bagaimana sesebuah kampung itu dibuka dan siapakah orang yang bertanggungjawab dalam pembukaannya (Khazim Mohd Tamrin, 1976). Apabila Belanda menjajah Indonesia berlaku lebih besar penghijrahan rakyatnya ke Tanah Melayu. Faktor tarikan iaitu hasil bumi yang banyak menjadi salah satu sebab lain orang Aceh ke Kedah dan negeri-negeri sekitarnya. Malah hasil bumi yang kaya di Semenanjung Tanah Melayu juga menyebabkan ramai migrasi luar berupaya ke Mekah untuk menunaikan fardhu haji. Ada di antara mereka yang sekian lama tinggal di Mekah kemudian balik ke Semenanjung atau negeri asal masing-masing. Faktor keamanan dan kestabilan politik di Selangor disebut oleh Khazim sebagai faktor terpenting dalam membentuk susunan penduduk Selangor khususnya selepas tahun 1880-an (Khazim Mohd Tamrin, 1976). Terdapat juga alim ulama yang saling berhijrah untuk mendalami ilmu agama misalnya Aceh pernah digelar Serambi Mekah dan ramai pelajar atau jemaah haji yang mendalami ilmu agama ke situ sebelum ke Mekah. Seorang orientalis Belanda yang terkenal, Snouck Hurgronje memastikan pengertian ini dengan melihat Aceh sebagai pintu menuju ke Jazirah Arab bagi para pelaksana ibadah haji dari seluruh kepulauan pada abad kesembilan belas dan ketujuh belas (Riddell, Peter G, 2006).

Selain istilah perantau atau migrasi, diaspora juga diguna pakai dalam penulisan akademik untuk melihat peranan mereka yang tersebar di pelbagai tempat atau negara. Diaspora dapat didefinisikan sebagai "komuniti etnik tertentu yang tercerai-berai ke mancanegara (baik secara sukarela maupun terpaksa) tetapi tetap memiliki keterikatan emosional dan politik dengan tempat asalnya" (Antje Missbach, 2012). Faktor yang mendorong berlakunya penghijrahan keluar masyarakat Aceh ini disebabkan oleh masalah ekonomi, konflik politik, diskriminasi dan peperangan yang menyebabkan terbentuknya para nasionalis jarak jauh. Walaupun orang Aceh menetap di pelbagai negara namun mereka tetap mengekalkan budaya asal dan masih terikat kepada identiti keturunan asal mereka. Mereka juga sering balik ke Aceh sebagai tanda patriotik dan kesedaran kepada asal-usul yang membawa kepada nilai jati diri yang tinggi walaupun bukan lagi menjadi warganegara Indonesia. Perang Aceh-Belanda (1873-1913) membuktikan kemasukan lebih ramai perantau Aceh ke Semenanjung Tanah Melayu khasnya di Kedah dan mereka telah menetap terus di sini. Mereka telah

diterima secara baik oleh Sultan Kedah dan masyarakat setempat tanpa prejudis terutama sumbangannya dalam aspek intelektual.

### **Migrasi Aceh ke Kedah**

Gelombang pertama kedatangan migrasi Aceh ke Kedah disebabkan perluasan kuasa dan untuk menguasai kegiatan ekonomi di Kepulauan Melayu. Aspek historikal ada menerangkan yang faktor utama Sultan Mahkota Alam dari Aceh menyerang Kedah pada zaman dahulu ialah untuk melumpuhkan aktiviti penanaman lada hitam di Kedah. Menurut Ismail Saleh, orang zaman itu amat ghairah menanam lada hitam dan lada hitam dari Kedah terutamanya Langkawi ialah yang paling baik sekali dalam dunia (Ismail Haji Saleh, tanpa tahun). Manakala menurut teks Hikayat Aceh pula menggambarkan ketokohan Sultan Mahkota Alam sebagai pejuang dan pemimpin yang boleh meluaskan jajahan takluk sehingga dapat menguasai kawasan sekitarnya. Baginda dikatakan berusia 13 tahun apabila berjaya menawan Kedah. Namun baginda masih mengekalkan putera raja Kedah sebagai sultan iaitu Sultan Rijaluddin Muhammad Syah yang memerintah dan bukannya baginda atau kerabat diraja Aceh. Kemuncak hubungan antarabangsa ini apabila Aceh mendominasi kuasa Islam terkuat pada abad ke 16 selepas penjajahan Portugis ke atas Melaka menyebabkan ia sebagai sebuah kerajaan Islam yang hebat iaitu:

*In any case, the fact is that in the 16<sup>th</sup> century the Muslim world was once again powerful, wealthy, and touched with splendour. Whatever view he might take it, the Muslim of this period – in Morocco, Istanbul, Isfahan, Agra, Aceh – was participant in a history expansive and successful (Wilfred Cantwell Smith, 1957).*

Kekuasaan Aceh telah merosot selepas tahun 1629 apabila kalah dalam peperangan dengan Portugis di Melaka. Dalam peperangan ini Aceh kehilangan banyak kapal perang dan kira-kira 19,000 tentera telah terkorban. Selepas tahun itu, Aceh tidak lagi melancarkan dasar serangan ke atas Tanah Melayu. Apabila Iskandar Muda Mahkota Alam mangkat pada tahun 1636, kerajaan Aceh telah digantikan oleh menantu baginda, Iskandar Muda Thani, keturunan kesultanan Melaka Pahang. Ketika pemerintahan baginda, Aceh tidak lagi menjalankan dasar perluasan kuasa dan melakukan serangan ke atas Tanah Melayu. Pada waktu ini hubungan Kedah-Aceh kembali erat.

Keakraban hubungan Kedah-Aceh juga membawa kepada kemasukan beramai-ramai perantau Aceh semasa penjajahan Belanda. Ramai ulama dan rakyat Aceh telah ditindas oleh Belanda secara kejam sehingga mereka terpaksa keluar berjihad dari negara luar untuk memerangi Belanda yang membunuh dan membakar semua hasil karya dan memerangi Islam habis-habisan. Oleh demikian ramai dalam kalangan ulama yang masuk dan menetap di Yan, Kedah pada permulaan tahun 1900. Misalnya beberapa tokoh ulama yang tersohor pernah datang ke sini, menurut Abdul Malik M. Taib kelompok awal yang berhijrah ke Yan ialah Tengku Md Dahan (Abangnya ialah Tengku Ahmad Hasbullah Inderapuri yang datang bersama Tengku Hassan Kerungkale dan Tengku Abdul Hamid. Kesemua adik-beradiknya pulang ke Aceh dan beliau terus kekal menetap serta mengajar di Yan, Kedah). Atas inisiatif beliau, telah mewujudkan pengajaran agama di bawah rumahnya kepada penduduk kampung dan hasil dari ilmu yang didalami semasa di Mekah. Beliau juga menggalakkan pembukaan sekolah agama agar ramai orang Aceh akan ke sini. Oleh itu Yan terus masyur dengan pembukaan

banyak surau, dayah dan pondok sehingga munculnya ulama lain ke sana iaitu Tengku Di Bale, Sheikh Omar (ayah Tengku Md Dahan) dan Tengku Lam Suro.

Pengaruh institusi pondok di Aceh telah menjalar ke Sumatera dan Jawa. Misalnya Tuan Haji Hussein adalah ulama terkenal dari Sumatera yang datang membuka pondok di Kedah. Terdapat pula orang Sumatera yang datang membuka pondok di Kedah. Tengku Arshad, Tuan Haji Musa, Syeikh Omar, Engku Bidau'l Hafiz, Engku Di Bale berhijrah dari Daerah Istimewa Aceh ke Daerah Yan untuk sama-sama berkecimpung dengan ulama tempatan dalam alam pendidikan agama (Zahidi Dato' Haji Zainol Rashid, 1990).



Gambar 1: pondok tempat tinggal pelajar yang datang mendalami agama di Kampung Aceh Yan Kedah.

Tokoh pejuang nasionalisme iaitu Teungku Hj. Muhammad Hasan Krueng Kalee (1886- 1973) adalah ulama besar yang berasal dari Aceh, datang dan menetap di daerah Yan, Kedah untuk menuntut ilmu serta mengembangkan syiar Islam di sini. Lahir pada tanggal 13 Rejab 1303 H, bertepatan dengan tanggal 18 April 1886 M.

Kehadiran beliau bersama dengan ulama-ulama Aceh ke Yan disebabkan keadaan di Aceh yang bergolak dan menghalang proses pendidikan terutamanya di bidang keagamaan. Beliau melanjutkan pengajiannya ke Madrasah al-Irsyadiyah al-Diniyah di Yan kedah yang ketika itu dipimpin oleh Teungku H. Muhammad Arshad ie Leube (Teungku di Bale') yang berasal dari ie Leube, Kembang Tanjung Pidie Aceh. Gambar di bawah ialah Madrasah yang menjadi pusat pendidikan agama Islam ketika itu dan berhadapandengannya adalah pondok-pondok yang menjadi tempat tinggal para pelajar (seperti dalam gambar 1). Ditubuhkan pada tahun 1902, terletak di tepi sungai dan masih kukuh serta digunakan sampai ke hari ini. Madrasah ini melambangkan seni pertukangan Aceh, mempunyai sebuah balai besar untuk tujuan pendidikan, disekelilingnya terdapat pondok-pondok kecil yang menempatkan para guru dan pelajar, menjadi pusat pendidikan kepada masyarakat setempat sama ada berketurunan Aceh ataupun orang tempatan dan menerima pelajar dalam kalangan umat Islam di Semenanjung hingga Pattani di Siam.





Gambar 2: Menasah al-Irsyadi di Kampung Aceh yang didirikan pada tahun 1902 menjadi tempat pengajian agama Islam yang tersohor.

Selain itu sultan Kedah juga mengiktiraf sumbangan dan jasa orang Aceh dalam terhadap pembangunan dan kemajuan di Kedah. Sultan Kedah memperkenalkan dan mengiktiraf mereka sebagai golongan ulama sehingga muncul pelbagai kitab yang ditulis dan diedarkan ke seluruh negara. Malah terdapat di kalangan orang berketurunan Aceh yang pernah menjadi mufti Kedah. Pada 9 Februari 1946, Persatuan Ulama Kedah telah melantik ahli jawatankuasanya termasuk dua orang ulama dari Yan iaitu Haji Hussain Che Dol yang dilantik sebagai Yang Dipertua dan Yahaya Junid Mudir Sekolah Agama Attaufiqiyah al-Khariyah Batu 17 sebagai Penolong Setiausaha (Fisol Haji Hussain, 1978/79).

Orang Aceh juga berjaya membina empayar perniagaan mereka apabila berjaya bersaing dengan penduduk Melayu tempatan dan orang Cina di kawasan bandar. Mereka memiliki pelbagai jenis perniagaan dari sekecil-kecil sehinggalah memiliki syarikat yang besar. Misalnya perniagaan kopiah dan songket di Pekan Rabu, Alor Setar Kedah, mengusahakan pertanian getah secara komersial dan seumpamanya. Terdapat juga Syarikat bas milik Nyak Gam bersama Nyak Maun Cut Ali yang beroperasi di Guar Chempedak ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan bas kepada masyarakat setempat. Syarikat bas tersebut dinamakan sebagai *The Yan Bus Transport Company* yang menyediakan perkhidmatan dari Yan ke Guar Chempedak dan Gurun ke Jeniang. Tambang sehala untuk ke sesuatu destinasi hanyalah 15 sen sahaja. Pada abad ke 20 perantau dari Aceh merupakan bilangan teramai dan mengikut bancian tahun 1911, 50.78 peratus daripada pendatang Indonesia terdiri daripada orang Aceh (Majid Hussein, 1980).

Malahan dalam kalangan mereka bukan sahaja berjaya dalam perniagaan tetapi juga berjaya mendidik anak-anak sehingga menjadi orang ternama di Malaysia seperti Dato' Abdullah Hussain, Tan Sri Ismail Hussein dan Dato' Ibrahim Hussain, Dato' Mohamad Amin yang kini bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Seri Sanusi Junid bekas menteri kabinet dan bekas Menteri Besar Kedah yang ke tujuh dan Sasterawan Negara iaitu Abdullah Hussein juga merupakan orang Aceh yang berasal dari Sungai Limau Dalam. Kejayaan komuniti Aceh ini adalah hasil kesedaran generasi awal tentang



kepentingan pendidikan anak-anak mereka dan juga usaha keras kerana mereka sedar bahawa sebagai imigran segala peluang yang ada perlu direbut. Hal ini sekaligus mengubah kegiatan ekonomi di bidang kerjaya daripada sektor pertanian kepada peniaga dan profesional. Kejayaan perantau Aceh ini menunjukkan bahawa mereka diterima menjadi sebahagian dari rakyat Kedah dan banyak menyumbang dalam perkembangan negara di samping jati diri yang kuat. Kini masyarakat Aceh menjadi sebahagian komuniti penting dari aspek historikal negeri Kedah sebagai migrasi yang paling berjaya membina hidup di perantauan.

## Kesimpulan

Oleh itu, peranan besar yang dimainkan oleh para ulama di Nusantara tidak dapat disangkal lagi dengan meningkatnya kesedaran untuk menambah ilmu dan menjadikan tradisi ilmuwan silam sebagai idola untuk kemajuan ummah sehingga kini. Kini orang Aceh di Malaysia telah diiktiraf sebagai kaum bumiputera yang mendapat hak yang sama rata dan juga dikenali sebagai masyarakat Melayu berketurunan Aceh. Oleh itu telah berlaku proses pemajmukan (pluralisme) sebagai masyarakat yang serumpun.

Ternyata hubungan Kedah-Aceh mempunyai nilai pensejarahan yang tinggi hingga kesannya dapat dilihat ke hari ini terutama di Kedah yang melibatkan kawasan atau kota tertentu semasa peperangan dahulu. Begitu juga dengan hubungan keagamaan yang membawa juraian keturunan dan perkembangan ilmu yang meluas dalam kalangan masyarakat Aceh dengan Melayu tempatan. Ternyata hubungan ini saling bertimbal balik antara satu sama lain sehingga membentuk satu budaya bersama dan anak-anak generasi baru dapat hidup secara harmoni.

Perkembangan intelektual dan budaya keilmuan begitu pesat sehinggakan kebanyakan generasi muda mementingkan ilmu yang membawa kepada penubuhan institusi berbentuk pondok dan madrasah sehinggalah kepada pendidikan formal. Orang Aceh, meskipun semakin diasak kemodenan dan kehidupan professional, latar belakang keturunan pendakwah masih menguatkan jati diri mereka (Berita Harian, 2012). *Tengku* adalah gelaran untuk ulama yang memonopoli perkampungan Aceh sekitar Kedah iaitu bermula dari Merbok, mereka bergerak ke Ruat sebelum berkampung di Yan sehingga hari ini. Jelas di sini diaspora Aceh ke Kedah antara yang paling berjaya dalam menyumbang kepada pensejarahan tempatan. Impaknya hubungan Kedah-Aceh ternyata mempunyai pertalian silaturrahim yang kuat sehingga kini.

## BIBLIOGRAFI

Abdul Malik M. Taib, umur 70-an temubual mengenai pensejarahan orang Aceh di Yan, beliau adalah seorang pakar sejarah lisan di Kampung Aceh.

Abdullah Hussain, Dewan Budaya, Orang-orang Aceh di Malaysia, 1989

A. Hasjmy. 1997, *Ulama Aceh Mujahid Pejuang Kemerdekaan dan Pembangunan Tamadun Bangsa*, Jakarta: PT Bulan Bintang, Perpustakaan dan Museum Yayasan Pendidikan Ali Hasjmy

A. Zainuddin, 1968, *A Short History of Indonesia*, Melbourne: Cassell Australia.

Affifudin Omar, *Penanaman Padi Di Kedah: Sejarah Peranan Dalam Ekonomi Negeri Kedah*, kertas kerja dalam Konvensyen Sejarah Negeri Kedah, 28 Nov-1 Dis. 1981

- Amaluddin Darus, *Lintasan Politik Malaysia*. Abad Enterprise. Kuala Lumpur, 1978
- Antje Missbach, 2012, *Politik Jarak Jauh Diaspora Aceh Suatu Gambaran tentang Konflik Separatis di Indonesia*, Penerbit Ombak
- Anthony Reid, 1969, *A Documentary Study of Atjehnese Foreign Policy In The Reign of Sultan Mahmud 1870-1874*, dalam JMBRAS, Vol XLII (42), Part 2, December
- Berita Harian, Isnin 16 April 2012, rencana.
- Fisol Haji Hussain, "*Haji Hussain Che Dol (1904-1967): Satu Perjuangan Ulama Dalam Bidang Agama dan Politik Melayu Kedah*". Latihan Ilmiah Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1978/79
- H.R. Cheeseman, 1955, "Education In Malaya 1900-1941", *The Malayan Historical Journal*, 2(1)
- Ismail Abd Rahman., Abdul Rahman Aziz @ Ahmad Mohd dan Mohd Yasin Muda. 1993 (penyunting), *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*, Kuala Terengganu: Kolej Agama Sultan Zainal Abidin
- Ismail Hj.Saleh, *Siputih Kedah Tua*, Koleksi Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, (tanpa tahun)
- J.V. Mills, 1974, *Arab and Chinese Navigators In Malayan Waters*, JMBRAS, Vol 47, Pt. 2.
- Kamus Dewan Edisi Baru*, Dewan Bahasa dan Pustaka, KPM, Kuala Lumpur, 1994
- Khazim Mohd Tamrin, 1976, *Sejarah Penghijrahan dan Penempatan Orang Jawa di Selangor 1880-an hingga 1940-an*, Tesis M.A, UKM
- Majid Hussain, 1980, "Orang Aceh di Yan, Kedah Satu Tinjauan Umum", *MDSS* 9
- Md Noor Salleh, Abdul Halim Haji Salleh, 1998, Dokumentasi Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman Kedua "*Islam Di Kedah Darul Aman*", Concept Press Sdn. Bhd.
- Norhalim Haji Ibrahim, 1995, *Negeri Yang Sembilan, Daerah Kecil Pusaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*, Fajar Bakti Sdn Bhd., Shah Alam
- Riddell, Peter G, 2006, "Aceh in The Sixteenth and Seventeenth Centuries: 'Serambi Mekah' and Identiti", dalam Reid Anthony (penye.), *Verandah of Violence: The Background to the Aceh Problem*, Singapore: Singapore University Press
- Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama Di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke-20*, Penerbit UUM, Sintok, 2011, hal 4. Ia dipetik dari Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1986, *A Commentary On The Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri*, Kuala Lumpur: Ministry of Culture.
- Teh Koon Hoo, *Sejarah Sosioekonomi Daerah Yan dari 1909-1957*, USM, 2003
- Wan Hashim Wan Teh, Teori Migrasi dan Asal-Usul Ras Melayu dalam *Pemikir*, Julai/September, 1995
- Wilfred Cantwell Smith, 1957, *Islam In Modern History*, Princeton, New Jersey: Princeton University Press
- Winstedt R.O. 1969. *Kamus Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Marican and Sons Sdn. Bhd.
- Yahaya Abu Bakar, 1991, *Kedah dan Perdagangan Tradisi di Asia, Abad Ketujuh Hingga Awal Abad Keenam Belas Masihi*, Dokumentasi Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman, Alor Setar

Yahaya Abu Bakar, 1996, *Mentelusuri Beberapa Kesan Islamisasi Di Tanah Melayu Menjelang Abad ke XVI Masihi* (UKM), Kertas Kerja Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Kali Kedua, 28-30 September.

Zahidi Dato' Haji Zainol Rashid, Sejarah Sekolah Pondok di Kedah, dalam *Islam Di Kedah Darulaman*, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 1990